

Intisari

Contents

Laporan Tahunan
annual report.
edition.
2016



10

ISI KANDUNGAN

3 PERUTUSAN KETUA PENGARAH

4 PERUTUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH

5 NOTA EDITOR

6 PETA LOKASI ILJTM

8 PIAGAM PELANGGAN

10 MAKLUMAT KORPORAT JABATAN

Jabatan Tenaga Manusia (JTM), yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Mei 1969.

12 VISI, MISI DAN OBJEKTIF

Jabatan Tenaga Manusia telah diamanahkan untuk membekalkan tenaga kerja yang terlatih.

14 PENGURUSAN TERTINGGI JTM

16 SENARAI PENGARAH-PENGARAH ILJTM

Intisari

Contents



29

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR

Program latihan ILJTM adalah untuk melahirkan tenaga kerja mahir melalui latihan kemahiran.

43

PENCAPAIAN JTM TAHUN 2015

Siri kejayaan yang diraih di peringkat kebangsaan sehingga antarabangsa telah melonjakkan nama JTM dan ILJTM dalam dimensi dan tahap kemahirannya.

51

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Objektif Kajian ini adalah untuk mengesas pelajar lepasan ILJTM dan seterusnya mengukur tahap keberkesanannya keluaran ILJTM.

54

PENTADBIRAN

57

PEMBANGUNAN

59

PUBLISITI

Meningkatkan pengambilan pelajar.

60

PERSEKITARAN KUALITI

61

SOKONGAN KERJAYA

Meningkatkan kebolehkerjaan graduan ILJTM.

62

MY GUIDE

Perkongsian ilmu mengenai *patent copyright product* bersama pakar.

64

PEMBIKINAN

Gagasan dalam mencipta rekabentuk Laporan Tahunan 2015 Edisi 2016 dimulai dengan pengumpulan idea.


Years of Passion and Innovation.

Making your mark in the world is hard. If it were easy, everybody would do it. But it is not. It takes patience, it takes commitment and it comes with plenty of failure along the way. The real test is not whether you avoid this failure, because you won't. It is whether you let it harden or shame you into inaction or whether you learn from it; whether you choose to persevere.

Would you like me to give you a formula for success? It's quite simple, really. Double your rate of failure. You are thinking of failure as the enemy of success. But it is not at all. You can be discouraged by failure or you can learn from it. So go ahead and make mistakes. Make all you can. Because remember that is where you will find success.



Dato' Chin Phaik Yoong
Director General
Manpower Department
(Jabatan Tenaga Manusia)



A HEADSTART TOWARDS JTM'S TRANSFORMATION.

FIRST LADY DIRECTOR GENERAL joined JTM in April 2014.
pychin@mohr.gov.my



“JTM’s future plans include the transformation programmes and additional skills development for our trainees.”

Tuan Syed Mohamad Noor bin Syed Mat Ali is a pioneer in skill training who never stops pursuing his goals and does not let failure become an excuse. He is a man that faced herculean obstacles, which he overcome with perseverance and an unwillingness to give up and surrender. He is a man that even after achieving success, keeps the ball rolling and moves on to bigger things. He is a skill training manager we should all aspire to be. He is an icon of competent skills.

Syed

**Tuan Haji Syed Mohamad Noor
Bin Syed Mat Ali**

Deputy Director General
Manpower Department
(Jabatan Tenaga Manusia)



PENERAJU KEMAHIRAN TERBILANG.

BUILD YOUR FUTURE at Manpower Department Training Institutions.
smnoor@mohr.gov.my



Nota Editor.



Semoga penerbitan kali ini menggembirakan setiap pembaca... (*terima kasih kerana sudi membaca*). Teras pembikinan Laporan Tahunan JTM 2015 Edisi 2016 adalah “eye catching and reader friendly”. Walaupun sidang redaksi kehilangan beberapa tonggak terdahulu seperti Puan Faizah Binti Harun dan Encik Asrizal Bin Abu Bakar namun “firasat” mereka berjaya dilestarikan oleh Cik Hajjah Junita Binti Mohamed Ali serta pegawai-pegawai di bawah seliaannya. Saya begitu kagum dengan kegigihan dan ketabahan setiap ahli yang telah bertungkus-lumus dalam menyiapkan penerbitan kali ini. Sepatah kata dari falsafah Greek untuk mereka, So...KUDOS to everyone!

TUAN HJ. KHAIRUL ANUAR BIN HJ. DENI
Editor I



Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat ILAHI dengan izinNya Laporan Tahunan JTM 2015 Edisi 2016 dapat diterbitkan. RMK-10 melabuhkan tirainya pada tahun lalu dengan pencapaian membanggakan dan syabas kepada Pengurusan Tertinggi dan semua warga JTM. Tahun 2016, lembaran baru dibuka dengan RMK-11 dan pelbagai sasaran harus diberikan tumpuan untuk melonjakkan Malaysia menjadi sebuah Negara maju menjelang 2020. Tahun ini juga adalah tahun yang mencabar dan getir bagi warga JTM dalam melahirkan tenaga mahir berinovatif dengan keadaan ekonomi Malaysia yang tidak menentu. Semoga warga JTM dapat mengharungi cabaran dan mengekalkan pencapaian cemerlang dalam melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing dan inovatif.

HJH.JUNITA BINTI MOHAMED ALI
Editor II

ON THE COVER

Keazaman dan iltizam JTM dalam mengeluarkan produk kemahiran digambarkan seperti kemampuan skru yang boleh menembusi objek walau sekeras konkrit mahupun besi. Erat dan kukuhnya hubungan di antara warga JTM dapat disimbolikkan dengan gambaran skru yang boleh menyambung satu objek dengan satu objek lain atau sebagai kancing atau penghubung.





Peta Lokasi ILJTM

INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA

berlokasi di setiap negeri di Wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pelbagai bidang kemahiran dan teknikal ditawarkan untuk persediaan kerjaya dan peningkatan kemahiran bagi para belia lepasan sekolah dan para pekerja. Mungkinkah arah tuju kerjaya anda di sini? Fokuskan matlamat anda dan layarilah www.jtm.gov.my untuk keterangan lanjut.

ILJTM are located in every state across the Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. Various technical skills specifically to be learned for the school leavers to build their future career and for current employees for career development and enhancements. Could it be the path for your future career? Focus your goals and surf www.jtm.gov.my for more information.





Piagam Pelanggan *Client Charter*

Jabatan Tenaga

Manusia diamanahkan untuk membekalkan tenaga kerja mahir yang terlatih. Dengan itu, kami berjanji :-



Mengesahkan penerimaan aduan dalam tempoh 24 jam dan memberi maklumbalas aduan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.



Mengeluarkan tawaran kemasukan bagi kursus jangka panjang di ILJTM selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum kursus bermula.



Memastikan setiap pelanggan yang berurusan di kaunter akan dilayan dalam tempoh masa 15 minit.



Memastikan pelajar-pelajar ILJTM disahkan layak dianugerahkan sijil/diploma dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat sesi latihan.



Menjelaskan semua tuntutan bil-bil bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.

Pencapaian *Achievement*

95.0%

* Peratusan yang tertera di atas adalah pencapaian perkhidmatan pelanggan kami.

Januari - Mei 2016

Tawaran kemasukan diproses 6 minggu lebih awal

3,591 pelajar telah disahkan layak dianugerahkan sijil/diploma

3,003 aduan diterima, 2,281 aduan telah diproses dan selesai dalam tempoh 7 hari bekerja

2,670 bil-bil bayaran diterima, 2,646 bil telah diproses dan diselesaikan mengikut tempoh

4,407 pelanggan berurusan di kaunter telah dilayan dalam tempoh 15 minit

* Status pencapaian Piagam Pelanggan sehingga Mei 2016.



Imbas untuk lebih info.

Maklumat Korporat Jabatan

JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM), yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Mei 1969.

DI AWAL PENUBUHAN, jabatan ini mempunyai tiga perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Latihan, Perkhidmatan Pekerjaan dan Perkhidmatan Penerangan Pasaran Buruh. Pada tahun 2002, organisasi JTR telah melalui penstrukturkan semula dan dikenali sebagai JTM. Penstrukturkan semula ini menyaksikan perubahan yang besar di dalam carta organisasi dan fungsi utama JTM, apabila Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan telah digabungkan dengan Jabatan Buruh yang dikenali sebagai Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Manakala Bahagian Perkhidmatan Penerangan Pasaran Buruh pula

telah diletakkan di bawah organisasi Kementerian Sumber Manusia (KSM).

The Manpower Department (JTM), which was previously known as JTR was officially formed on 8th of May, 1969. This Department had 3 key services at the initial stage of its establishment namely Training Services, Employment Services and Labour Market Information Services. In 2002, the organisation of Jabatan Tenaga Rakyat underwent a restructuring process resulting major organisational and functionality changes and was then renamed as Manpower Department (JTM). The Employment Service Division was placed under the Labour Department whereas Labour Market Information Services Division was then placed directly under the Ministry of Human Resources.



Stakeholders

Y.A.B Perdana Menteri
Y.A.B Timbalan Perdana Menteri
Jemaah Menteri
Parlimen
Menteri & Timbalan Menteri KSM
Ketua Setiausaha KSM

Pelanggan

- 1 Pelajar
- 2 Pekerja Industri
- 3 Ibu bapa
- 4 Majikan

* Pelanggan dan Stakeholders.



Untuk kuperasan infomasi terkini
jabatan, sila layari laman web kami
di www.jtm.gov.my

+603-8886 5555



Visi, Misi dan Objektif

VISI, MISI DAN OBJEKTIF yang mampan meletakkan Jabatan Tenaga Manusia di platform yang kukuh untuk terus menyalurkan perkhidmatan yang terbaik khas buat warga Malaysia.

Sustainable vision, mission and objectives capable of putting the Manpower Department on a strong base to continue providing the best service specially for Malaysians.

Visi

Menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing.

A leading organization in developing competitive manpower.

Misi

Mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing.

To produce competitive manpower.

Objektif

Membantu ke arah penggunaan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan perindustrian.

To assist towards an optimum use of manpower through industrial training programmes.

Fungsi

Menyedia dan menjalankan program latihan kemahiran pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia dan meningkatkan taraf kemahiran pekerja sektor perindustrian.

To prepare and execute pre-employment skill training programmes to fulfill the requirements of the industrial sector in Malaysia and to improve the skill level of workers in industrial sector.

Adakah anda tahu?



651,850 orang

tenaga kerja terlatih telah dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Manusia sejak penubuhannya pada tahun 1964.

Sumber dari Informasi dan Statistik RMK-10 2011-2015, JTM



Pengurusan Tertinggi JTM

SEJAJAR DENGAN HALATUJU TRANSFORMASI TVET, JTM diberisi oleh pengurusan tertinggi yang berkaliber dalam memperkuuh tadbir urus TVET ke arah pemerkasaan kualiti penyampaian program TVET dan penambahbaikan kebolehpasaran graduan.

"BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INI DIWUJUDKAN BAGI MEMBANTU JTM DALAM MERANCANG PROGRAM PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN DI ILJTM."



Tuan Hj. Norman Bin Kusin
Pengarah Pembangunan Kemahiran
norman_kusin@mohr.gov.my

Pengurusan strategik berdasarkan proses kerja sistematis di samping hubungan kolaborasi dan komunikasi di antara unit adalah pentru tercapainya matlamat organisasi.

Bahagian Pembangunan Kemahiran diwujudkan bagi membantu JTM dalam merancang program-program pembangunan yang dijalankan di ILJTM sesuai dengan kursus-kursus yang dijalankan. Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan pemantauan secara menyeluruh

terhadap program pembangunan dan penyelenggaraan peralatan ILJTM. Fungsi-fungsi utama bahagian ini adalah merangkumi merancang, melaksana dan mengurus projek-projek pembangunan institut berdasarkan program Rancangan Malaysia; Penyelenggaraan fizikal institut latihan; Menyelaras proses perolehan dan menguruskan penambahan peralatan dan naiktaraf infrastruktur ILJTM; Merancang garis panduan belanjawan pembangunan; Menyelaras keperluan program peningkatan kemahiran pengajar berasaskan permintaan industri.



Iskandar Bin Ahmad
Timbalan Pengarah Pembangunan Kemahiran
iskandar@mohr.gov.my

"PEMANTAUAN SECARA MENYELURUH TERHADAP PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN PERALATAN ILJTM."

"BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MEMBERI KHIDMAT SOKONGAN PENGENDALIAN HAL EHWAL PENTADBIRAN."



Nur Ezwin Binti Kamarudin
Pengarah Khidmat Pengurusan
ezwin@mohr.gov.my

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menentukan aktiviti-aktiviti Jabatan Tenaga Manusia dilaksanakan dengan cekap dan berkesan ke arah mencapai objektif jabatan. Bahagian ini berfungsi dalam memberikan khidmat sokongan pengendalian hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan kewangan serta teknologi maklumat untuk memastikan keberkesanan pekhidmatan yang cemerlang selaras dengan keperluan jabatan.

"BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL MENYELARAS KURIKULUM DAN PERSIJILAN LATIHAN UNTUK PELAJAR ILJTM."



Azmir Bin Mohd Yunus
Pengarah Kawalan Teknikal
azmiryunus@mohr.gov.my

Sebagai nadi utama JTM, bahagian ini berfungsi dalam menyelaras kurikulum latihan serta pengurusan pentaulahan, pengiktirafan, penilaian dan persijilan latihan melibatkan pelanggan utama JTM iaitu pelatih-pelatih di ILJTM. Bahagian ini juga menguruskan aktiviti yang melibatkan pertandingan kemahiran, hubungan industri, 5S serta perlaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) dan persijilan ISO JTM/ILJTM.

"BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN SEBAGAI PENGGERAK DALAM MENCAPI SASARAN TENAGA KERJA MAHIR."



Suzana Binti Mohammed Zohdi
Pengarah Pengurusan Latihan
suzana_z@mohr.gov.my

Pengerak dalam mencapai sasaran pengambilan pelajar yang optimum, bahagian ini bertanggungjawab menguruskan permohonan, pengambilan dan penempatan pelajar di ILJTM. Bahagian ini memainkan peranan penting dalam menyelaras aktiviti promosi untuk memperkenalkan JTM kepada komuniti.

"BAHAGIAN PERANCANGAN & PENYELIDIKAN BERPERANAN MEMASTIKAN PROGRAM LATIHAN SELARI DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI."

Bahagian ini merupakan bahagian baru yang diwujudkan pada Jun 2004 sebagai penyelaras dalam merancang program-program latihan di ILJTM agar selari dengan keperluan industri. Bahagian ini bertindak sebagai think tank, pemangkin serta pencetus bagi mencerna idea dalam penggubalan dasar makro

pengurusan latihan kemahiran untuk menjana ketrampilan masyarakat yang berkemahiran tinggi, berkualiti dan berdaya saing.



Hjh Junita Binti Mohamed Ali
Pengarah Perancangan Dan Penyelidikan
junita@mohr.gov.my

IBU PEJABAT JTM, 1969

Jabatan Tenaga Manusia sentiasa berdaya saing dan kekal relevan di persada latihan kemahiran dalam meneroka dimensi baru keperluan latihan kemahiran negara berinspirasikan hala tuju Kementerian Sumber Manusia di bawah RMK-11 iaitu "Penyampaian Program TVET Ke Arah Mencapai 35% Tenaga Kerja Mahir". Pada tahun 2015, sejumlah 7,534 pelatih bagi keseluruhan ILJTM telah berjaya menamatkan latihan dan dipersijilkan. Manakala bagi kursus separuh masa, seramai 43,961 peserta telah menyertai 1,722 kursus yang dianjurkan oleh ILJTM merangkumi bidang Modular, Customised, ICT dan Softskills. Peratusan kebolehkerjaan graduan sepenuh masa tahun 2015 mencapai 91.49%, satu angka sasar yang membuktikan kualiti graduan ILJTM memenuhi kapastiti keperluan industri. Tahun 2015 juga menyaksikan momen kecemerlangan modal insan kelahiran JTM merangkul pingat dalam pelbagai pertandingan kemahiran 2015 sehingga peringkat antarabangsa, antaranya World Skills Competition (5 Medallion for Excellence), International Technology Exhibition- ITEX (4 Emas) dan Pertandingan World Skills Malaysia-Belia (1 Anugerah Tangan Emas dan 7 Emas). JTM bersedia mengeksplorasi dimensi baru keperluan latihan kemahiran negara dan mengimplementasikan transformasi dari semasa ke semasa sebagai medium untuk kekal relevan dan berdaya saing di persada kemahirannya.

T 03-8886 5555, F 03-8889 2417

www.jtm.gov.my

Senarai Pengarah ILJTM

"PENERAJU KEMAHIRAN TERBILANG" layak dilabelkan kepada personel barisan hadapan Jabatan Tenaga Manusia (JTM).

DI SEBALIK KEJAYAAN sesebuah organisasi, tentunya ada pemimpin yang berkarisma sebagai tulang belakang dan diperkuuhkan lagi dengan sokongan padu pegawai dan staf sokongan. Kolaborasi antara Pengarah dan warga kerja institut yang berkaliber mengorak langkah proaktif mampu mencapai objektif jabatan dan institusi serta berpotensi memenuhi kehendak keperluan semasa tenaga mahir Negara. Barisan hadapan ini adalah aset bernilai jabatan yang menjadi tonggak dalam usaha melahirkan tenaga mahir yang berketerampilan dan berkelayakan.



Zuraka Bin Yusof
Pengarah ADTEC Shah Alam
Pengerusi ILJTM Wilayah Tengah
p.adtecsa@jtm.gov.my

ADTEC SHAH ALAM, 2000

PENGLIBATAN PENSYARAH dan pelajar dalam pertandingan inovasi membawa hasil di mana 3 Emas telah dimenangi dalam Eureka Innovation Exhibition (EIE 2015), Research Innovation Symposium & Exposition (RISE 2015) dan CITEC 2015 sementara satu kumpulan lagi memenangi Perak dalam ITEX 2015. Kemenangan juga tercipta dalam pertandingan robot dengan meraih Johan dalam Fiesta Robot 2015 dan Naib Johan dalam Robot Tempur 2015. Sebagai COSE dalam bidang Elektrik Kuasa, berlaku peningkatan *output* di mana seramai 225 peserta berjaya dilatih untuk persijilan *Chargeman A0* dan *A4* bagi 33 syarikat.

T 03-5161 2622, **F** 03-51612651

www.adtecsa.gov.my



ILJTM Wilayah Tengah
Central Region ILJTM



ILP KUALA LUMPUR, 1964

SE PANJANG 2015, ILP Kuala Lumpur telah mencatatkan beberapa pencapaian yang membanggakan. Enrolmen pelajar adalah seramai 1,040 dan kadar kebolehkerjaan graduan adalah 90.71%. Seramai 3,202 peserta telah menyertai program latihan separuh masa (modular dan customise). Hubungan kerjasama diperkasa dengan pelbagai pihak seperti UiTM, Perodua, DBKL, CernaMinda, Jabatan Belia Selangor, Jabatan Penjara, Alam Flora, Hitachi dan LHDN. Inovasi EZ Lamp mendapat pingat Emas di ITEX 2015 dan iCompex 2015. Menerima pelbagai pelawat seperti delegasi Asia Pacific Conference in TVET, Johor Skills, MIDA, Menteri Buruh dan Latihan Vokasional Cambodia, delegasi Negara Kenya, para pelajar Sekolah Tinggi Seoul Korea, Guizhou Vocational Technology Institute China dan delegasi JICA bagi projek HCC Reclamation.

T 03-7981 7495, **F** 03-7983 2987

www.ilpkl.gov.my



Noor Ariffin Bin Mohd Arif

Pengarah ILP Pedas

p.ilppedas@jtm.gov.my



Kamaruzaman Bin Md Ali

Pengarah ILP Kuala Lumpur

p.ilpkl@jtm.gov.my

ILP PEDAS, 2000

Selain memperkasakan hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta, ILPKL juga sering menerima kunjungan pelawat dari dalam dan luar Negara yang khususnya cenderung kepada perkongsian ilmu dalam bidang kemahiran.

SE PANJANG TAHUN 2015 antara kejayaan yang dicapai oleh ILP Pedas adalah memenangi Gangsa dalam iCompex 2015 dan CITEC 2015 melalui projek *Smart Training Kit, Duster Case* dan *Scope Storage*. ILP Pedas telah mendapat pengiktirafan Prestasi Pengurusan Kewangan Tahap Cemerlang dari ANM melalui Naziran esPKB. **T** 06-685 3564, **F** 06- 685 3570/77 www.ilppedas.gov.my

ILP KUALA LANGAT, 2003

PENCAPAIAN ILP KUALA LANGAT

di persada kemahiran, 2 pelajar telah mewakili institut dalam Pertandingan WSMB 2015 dan layak dianugerahkan Sijil Kecemerlangan dalam bidang Mekatronik. *Innovation and Creativity Exhibition* (ICE) juga telah diadakan di ILP Kuala Langat pada 01-02 April 2015. Pelbagai program dan aktiviti inovasi telah dianjurkan termasuk Seminar Aplikasi Mobile yang bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan sistem operasi Android dan IOS.

T 03-3120 4600, **F** 03-3120 4440

www.ilpkls.gov.my



Kamaruzaman Bin Chu Abd Rani

Pengarah ILP Kuala Langat

p.ilpklangat@jtm.gov.my



ILJTM Wilayah Selatan Southern Region ILJTM



Syarull Nizam Bin Perdan
Pengarah ILP Mersing
p.ilpmmsg@jtm.gov.my

ILP MERSING, 2003

ILP MERSING TELAH MEREKODKAN
beberapa siri kejayaan institut antaranya adalah menduduki tempat ke-11 daripada 32 penyertaan dalam ELMARACE 2015, meraih 1 Emas dan 1 Gangsa dalam Pertandingan IIDEX 2015. Dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2015, ILP Mersing tidak melepaskan peluang menghantar peserta dan berjaya meraih 1 pingat Gangsa. Dalam pertandingan JTMRC, ILP Mersing berjaya mendapat pingat emas dan Best Award Design dalam kategori Robot Bumi Hijau
T 07-792 1700/701, F 07-792 1704
www.ilpmmsg.gov.my



Mohd Zabidin Bin Abd Samad
Pengarah ADTEC Melaka
Pengerusi ILJTM Wilayah Selatan
p.adtecmklk@jtm.gov.my

ADTEC MELAKA, 2001

KURSUS AUTOMOTIVE ADVANCE TECHNICAL TRAINING di bawah program khas *Economic Partnership Program (EPP)* di antara JTM dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta terkemuka di Jepun telah diadakan pada 25 Nov - 24 Dis 2015, merupakan program EPP Fasa ke-2 yang melibatkan 5 pensyarah Teknologi Automotif institut. Berlangsung selama 30 hari, program ini melibatkan 10 pensyarah bidang Teknologi Automotif dari ILJTM seluruh Malaysia bertujuan memberi pendedahan tentang teknologi hybrid pada kendaraan secara khususnya seperti kereta Toyota Prius, Trak Hino, kereta Mitsubishi i-MIEV dan Mitsubishi Outlander, serta memberi peluang kepada peserta untuk mengenali budaya kerja masyarakat Jepun terutamanya dari aspek kualiti kerja dan pengurusan masa.

T 06-5527227, F 06-552 7231
www.adtecmelaka.gov.my



A. Rahmad Bin Ngah
Pengarah ILP Bukit Katil
p.ipbkatil@jtm.gov.my



Ab Rahman Bin Mohd Said
Pengarah ILP Selandar
p.ipselandar@jtm.gov.my

ILP BUKIT KATIL, 1988

INSTITUT TELAH MENANDATANGANI
KERJASAMA PINTAR DENGAN 10 BUAH
SYARIKAT DAN INSTITUSI.
Kerjasama Pintar dengan 10 buah syarikat dan institusi. Tahun 2015 juga, ILP Bukit Katil telah diberi penghormatan dan dijadikan sebagai tapak Pertandingan Debat Piala Ketua Menteri IPT Negeri Melaka.

T 06-232 0600, F 06-232 9600
www.ilpmelaka.gov.my

ILP SELANDAR, 2003

INSTITUT TELAH BERJAYA
mengekalkan pengiktirafan Pusat Bertauliah Cemerlang iaitu bertaraf 5 Bintang. Dalam pertandingan CITEC 2015, 4 projek telah dipertandingkan dan berjaya merangkul Gangsa iaitu Sistem Adu, Sistem e-Cafe Audit, 5S Smart Audit dan Sistem e-Pengurusan Rekod.

T 06-525 1224, F 06-5251255
www.ipselandar.gov.my



Mohamad Musa Bin Ahmad
Pengarah ILP Ledang
p.ilpledang@jtm.gov.my

ILP LEDANG, 2000

PENCAPAIAN TERTINGGI
pertandingan kemahiran yang disertai tahun 2015 adalah dalam WSC Sao Paulo, Brazil dalam bidang *IT Network System Administration* di mana peserta telah memperoleh *Medallion for Excellence*. Penyertaan dalam CITEC 2015 juga telah membawa pulang 1 Perak dalam projek *Pneumatic Trainer Box* dan 1 Gangsa dalam projek *Remote Device Via Mobile*. Institut juga telah memenangi Kategori Best Design Roborumblez dalam penyertaan Robot JTM Challenge bagi kategori Pelajar.

T 06-9773800, F 06-977 3799
www.ilpledang.gov.my



Mohd Manoj Bin Jumidali
Pengarah ADTEC Batu Pahat
p.adtecbp@jtm.gov.my

ADTEC BATU PAHAT, 2000

MOMEN KEJAYAAN dan pencapaian anugerah inovasi tahun 2015, merangkul Emas dan Anugerah Khas Inovasi Terbaik bagi projek *Bar Spindle* dalam iCompex 2015 dan memenangi 2 Emas dalam ITEX 2015 bagi projek *Sateportwo* dan *Bar Spindle*. Projek yang sama juga telah memenangi 1 Emas dan 1 Perak dalam Anugerah Harta Intelek Negara 2015 Zon Selatan anjuran MyIPO, sementara dalam Anugerah Harta Intelek Negara 2015 peringkat kebangsaan, *Bar Spindle* telah berjaya mendapat pingat Perak. Institut juga tidak ketinggalan mengambil bahagian sebagai pembentang dalam NCET 2015.

T 07-428 7733, F 07-428 5290
www.adtecbp.gov.my

Pencapaian tertinggi ILP Ledang di persada kemahiran adalah penyertaan dalam WSC 2015 Sao Paulo, Brazil dalam bidang IT Network System Administration dan dianugerahkan Medallion for Excellence.



Sarman Bin Rawan
Pengarah ILP Pasir Gudang
p.ilppg@jtm.gov.my

ILP PASIR GUDANG, 1981

MOMEN KEJAYAAN ILP Pasir Gudang antaranya merangkul 1 Emas dan 1 Perak dalam iCompEx'15, 1 Perak dalam Pesta Hari Belia Negara Putrajaya, Naib Johan (Kebangsaan) dalam Fighting Robot Competition 2015, tempat ke-3 dalam JTMR. 1 Perak dan 4 Gangsa dalam CITEC, 4 Perak dan 3 Gangsa dalam Pertandingan *International Invention, Innovation & Design* (IID) Johor 2015. Institut juga tidak ketinggalan menyertai Pertandingan KV Skills Peringkat Kebangsaan 2015 dan telah berjaya dinobatkan sebagai Johan bidang Pemesinan Industri dan Naib Johan bidang *Inventor*.

T 07-254 4170, F 07-251 1910
www.ilppg.gov.my



Hj Mohd Hashimi Bin Abd Hadi
Pengarah ADTEC Jerantut
Pengerusi ILJTM Wilayah Pantai Timur
p.adtecjerantut@jtm.gov.my

ADTEC JERANTUT, 2011

PENGAJAR TEKNOLOGI KEJURUTERAAN POLIMER


ADTEC Jerantut telah memenangi pingat Perak dalam ITEX 2015 dan pingat Gangsa dalam IIDEX 2015. Sebagai penambahan ilmu kepada pengajar dan pelajar, institut telah mengadakan lawatan 'Degree Show' ke UiTM Shah Alam khusus untuk penyediaan projek selain menambahbaik kualiti bagi penghasilan produk kemahiran. Institut juga telah menjalin hubungan kolaborasi dengan Tokbali Dockyard Engineering dalam bidang Kimpalan dan Pembuatan (Pemesinan).

T 09-301 0019, F 09-301 0021
www.adtecjerantut.gov.my

ILP KUANTAN, 1988

PROJEK MEMPERKASAKAN TVET iaitu Pengujian Bot Utiliti telah sempurna dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JTM pada November 2015 dengan kerjasama MAWILLA 1, TLDM Tanjung Gelang. Dalam CITEC 2015, ILP Kuantan telah memenangi 3 Pingat Perak dalam projek *Semi-Auto Cutting Machine*, *Mini Piling* dan Mesin Pelerai Biji Lada Hitam dan 2 Pingat Gangsa dalam projek Mesin Penarik Pukat dan Mesin Penggaul Ayam.

T 09-580 1620, F 09-580 1620
www.ilpkuantan.gov.my



ILJTM Wilayah Pantai Timur
East Coast Region ILJTM



Suaibunaha Bin Jusoh
Pengarah ILP Kuantan
p.ilpkuantan@jtm.gov.my

ILP KOTA BHARU, 1988

TIGA PROJEK YANG DIPERTANDINGKAN

iaitu *Smart Portable Sink (SPS)*, *Transmission Fluid Pump (TFP)* dan *Multi Purpose Furniture* dalam CITEC 2015 dan ketiga-tiganya telah berjaya merangkul pingat Gangsa. Pada 12-14 Jun 2015, institut terpilih sebagai tuan rumah Program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) bagi memberi peluang kerjaya kepada graduan universiti Zon Pantai Timur. Perasmian disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) dan hadir sama adalah Menteri Besar Kelantan.

T 09-774 2315, F 09-774 1445/2444
www.ilpkb.gov.my



Zainuddin Bin Hj Ahmad
Pengarah ILP Kota Bharu
p.ilpkb@jtm.gov.my

ILP KUALA TERENGGANU, 1982

PENCAPAIAN TERUNGKUL tahun lalu adalah momen kejayaan, Lau King Hieng yang telah memenangi Emas dalam bidang Joinery di WorldSkills Oceania New Zealand. Beliau juga telah mewakili Malaysia dalam WSC 2015 Sao Paulo, Brazil dan telah mendapat Medallion for Excellence dalam bidang yang sama. Institut juga telah menghantar penyertaan dalam WSMB 2015 dan memenangi 1 Emas, 2 Perak dan 1 Gangsa.

T 09-665 2100, F 09-666 0806
www.ilpkt.gov.my



Abdul Halim Bin Abdul Rahman
Pengarah ADTEC Kemaman
p.adteckemaman@jtm.gov.my



Faizah Binti Harun
Pengarah ILP Kuala Terengganu
p.ilpkt@jtm.gov.my

ADTEC KEMAMAN, 2010

INSTITUT BERJAYA MELAKSANAKAN kursus-kursus jangka pendek yang melibatkan penyertaan seramai 13,601 peserta yang terdiri daripada pekerja-pekerja industri minyak dan gas di negeri Terengganu. Selain itu, sebanyak 1 MoU dan 4 program *Smart Partnership* telah termeterai. Institut merangkul 2 Perak dan 5 Gangsa dalam CITEC 2015 serta 1 Emas dan 1 Perak dalam TARIE (TATIUC).

T 09-866 4000, F 09-867 1020
www.adteckmn.gov.my

ILP MARANG, 2010

INSTITUT TELAH BERJAYA memenangi 2 pingat Emas dalam CITEC 2015 menerusi projek InBrel 1.0 dan Family@connect 1.0. Dalam pertandingan Fighting Robot (FRC) 2015 pula, ILP Marang telah mendapat tempat ke-3 dan dianugerahkan Best Technology Award. Satu kerjasama pintar di antara institut dengan TESDEC Sdn. Bhd juga telah dimeterai pada 20 April 2015.

T 09-618 9000, F 09-618 9009
www.ilpmrg.gov.my



Zulkifle Bin Omar
Pengarah ILP Marang
p.ilpmarang@jtm.gov.my

Lau King Hieng, pelajar ILP Kuala Terengganu memenangi Emas di Worldskills Oceania New Zealand dan Medallion for Excellence dalam WSC 2015 Sao Paulo, Brazil dalam bidang Joinery.



Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI), 1997


KEDUA-DUA PESERTA JMTI telah mengharumkan nama negara apabila telah berjaya menempatkan diri di tangga ke-11 terbaik daripada 36 penyertaan yang disertai oleh para peserta dari serata dunia dalam WSC 2015 Sao Paulo, Brazil, sekaligus melayakkan kedua-duanya mendapat pingat *Medallion for Excellence*. Selain itu, penyertaan dalam CITEC 2015 juga JMTI telah memenangi 1 Emas dan 3 Gangsa bagi kumpulan pelajar manakala 1 Perak dan 1 Gangsa telah dimenangi oleh kumpulan pengajar. Dalam Pertandingan WSMB peringkat akhir, JMTI telah memenangi pingat Perak dalam *CNC Milling* dan Gangsa bagi kategori Elektronik dan kedua-duanya layak mewakili Malaysia ke ASC 2016.

T 04-508 7800, F 04-508 7809

www.jmti.gov.my

Zaihan Bin Hj Sukri
Pengarah JMTI
Pengerusi ILJTM Wilayah Utara
p.ilpjmti@jtm.gov.my

Dua pelajar kelahiran JMTI iaitu Mohamad Wijdan bin Mohd Ariff dan Tan Wern Lee berjaya meletakkan diri di tempat ke-11 terbaik daripada 36 penyertaan seluruh dunia dalam bidang Mekatronik.



ILJTM Wilayah Utara
Northern Region ILJTM



Muhammad Nasir Bin Samat
Pengarah ILP Kangar
p.ilpkangar@jtm.gov.my

ILP KANGAR, 2000

ILP KANGAR TELAH MEMENANGI satu pingat Emas menerusi projek Bekas Minuman Kucing Automatik, dan 2 pingat Gangsa menerusi projek Wall Cutter with Vacuum Cleaner dan Mesin Pelerai Jagung dalam iCompEX15. Dalam Eureka Innovation Exhibition (EIE 2015), institut turut melakar kejayaan dengan merangkul 1 Emas melalui projek Bekas Minuman Kucing Automatik dan 2 Perak melalui projek Wall Cutter with Vacuum Cleaner dan Pigeon Hole with Indicator.

T 04-979 4000, F 04-977 7663

www.ilpkangar.gov.my

We are looking forward to
welcoming you to Abu Dhabi

THE UNITED ARAB EMIRATES was awarded the right to host the 44th WorldSkills Competition at the WorldSkills General Assembly in 2013.

Abu Dhabi is a truly exciting and dynamic destination for the competition, located at the nexus of the west and east, it is the meeting of the ancient and modern. In Abu Dhabi a futuristic city lives hand in hand with ancient treasures and this is a destination where the past is preserved, cherished and respected while the future is meticulously planned and considered.



Improving our
WORLD with the
power of SKILLS

14-19 October 2017
Abu Dhabi, United Arab Emirates





Ir. Halim Azhar Bin Md Yatim
Pengarah ADTEC Taiping
p.adtectaiping@jtm.gov.my

ADTEC TAIPEI, 2009

TAHUN 2015 MENYAKSIKAN RENTETAN KEJAYAAN institut dimulai dengan kejayaan merangkul Gangsa dalam CITEC 2015, mendapat pengiktirafan penuh MQA dalam Teknologi Kejuruteraan Jaminan Kualiti, Teknologi Kejuruteraan Komputer dan Teknologi Kejuruteraan Mekatronik. ADTEC Taiping juga telah dipersijilkan ISO 9001:2008 dan mendapat persijilan semula persekitaran 5S pada Oktober 2015.

T 05-801 2600, F 05-801 2608
www.adtectaiping.gov.my



Tuan Syed Johan Bin Syed Ali
Pengarah ADTEC Kulim
p.adteckulim@jtm.gov.my

ADTEC KULIM, 2000

INSTITUT TELAH MENCIPTA LAKARAN KEJAYAAN dalam iCompEX15 dengan merangkul 1 Perak melalui projek Auto Valve Grinder, 1 Perak bagi projek Jebak Burung Elektronik dan 1 Gangsa dalam projek Sistem Kawalan Ladang Cendawan. Dalam CITEC 2015, institut telah menempa nama dengan meraih 1 Emas dalam projek Switch Smart Phone, 2 Perak masing-masing dalam projek Triangle Arrow For Anti-Landslide and Jebak Burung Elektronik dan 2 Gangsa dalam projek Sistem Pemantauan Banjir dan Modern Portable Compact Washing Machine.

T 04-404 2975, F 04-404 2971
www.adteckulim.gov.my



Norliza Binti Yaakub
Pengarah ILP Perai
p.ilpperai@jtm.gov.my

ILP PERAI, 1969

PROJEK INOVASI Portable Alternator Tester telah berjaya memenangi pingat Perak di dalam CITEC 2015. ILP Perai juga turut menyertai EIMARACE 2015 anjuran Malaysia-Japan International Institute dalam kategori 131CC dan berjaya merangkul tempat ke-3 keseluruhan dan membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan sejumlah RM2,400.

T 04-390 7269/7335, F 04-398 6964
www.ilpperai.gov.my



Azman Bin Hj Ibrahim
Pengarah ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal
p.ilpnt@jtm.gov.my

ILP ARUMUGAM PILLAI NIBONG TEBAL, 2005

KEMENANGAN INSTITUT dalam Pertandingan Video Keselamatan sempena Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2015 Peringkat Kebangsaan adalah siri kejayaan yang boleh dibanggakan. Projek inovasi Cable Tracker pula telah memenangi pingat Gangsa di dalam Invention and Innovation Award 2015 (IIA) sempena Malaysia Technology Expo (MTE) 2015.

T 04-595 6000, F 04-595 6006
www.ilpapnt.gov.my



Mohd Haris Bin Mohamed Yusuf
Pemangku Pengarah ILP Jitra
p.ipjitra@jtm.gov.my

ILP JITRA, 1998

PROGRAM SUKAN DRAG telah dilangsungkan di utara tanah air pada Mei 2015 bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun ILP Jitra. Program anjuran Dragtimes2u Malaysia bersama ILP Jitra turut mendapat sokongan Pejabat Exco Belia dan Sukan Negeri Kedah serta JTM. Program 3 hari yang berkonsepkan *Drag Jamboree* ini telah berjaya menghimpunkan kira-kira 300 peserta dari seluruh tanah air dan dihadiri seramai 20,000 orang pengunjung. Majlis perasmian Jitra International Drag Jamboree 2015 ini disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan Negeri Kedah.

T 04-916 1926, **F** 04-916 2367
www.ipjitra.gov.my



Jamil Bin Yahya
Pengarah ILP Ipoh
p.ipipoh@jtm.gov.my

ILP IPOH, 1988

ILP IPOH TELAH DIPILIH sebagai tuan rumah bagi Pesta Sukan Staf Kolej Vokasional Zon Perak 2015 yang melibatkan sebanyak 11 buah Kolej Vokasional seluruh Negeri Perak termasuk ILP Ipoh. Program ini bertujuan mengerakkan lagi hubungan antara ILP Ipoh dengan Kolej-kolej Vokasional seluruh Negeri Perak. Bersempena dengan Karnival Teknologi JTM 2015, ILP Ipoh telah berjaya menjadi johan di dalam Pertandingan Laman Web Terbaik JTM 2015.

T 05-527 7777, **F** 05-527 0702
www.ipipoh.gov.my



Zamzuri Bin Hassan
Pengarah ILP Kepala Batas
p.ipkbatas@jtm.gov.my

ILP KEPALA BATAS, 2005

DALAM PERTANDINGAN WSMB 2015, ILP Kepala Batas mencatat sejarah kecemerlangan apabila anak didik telah memenangi pingat Emas dan seterusnya menggondol Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 dalam bidang *Information Network Cabling*. Selain itu, institut juga memenangi 3 pingat Perak dan 1 Gangsa. Dalam CITEC 2015, sebanyak 2 pingat Emas, 2 pingat Perak dan 3 pingat Gangsa telah berjaya dibawa balik manakala dalam Pertandingan *Soccer Robot Games* pada 14 Nov 2015, institut menggondol Johan dan Naib Johan.

T 04-577 6101, **F** 04-577 6144
www.ipkbpp.gov.my

We are the
GREATEST on
skills.

The roles and responsibilities that were performed as an oath act as a trigger towards achieving excellence especially in moulding human capitals that are highly skilled, competitive and has the potential to generate income for the country.

Malaysia's levels of skills competency are now on par with other ASEAN countries and the world.

For more information, please contact:

Manpower Department Jabatan Tenaga Manusia)
Level 6, Block D4, Parcel D,
Putra Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Wilayah Persekutuan, Putrajaya
T 03-8886 5555 F 03-88892417 | E-mail: jtm@mohr.gov.my

The journey
starts here






Mat Setia Bin Mohd Raji
Pengarah ADTEC Bintulu
Pengerusi ILJTM Wilayah Timur
p.adtecbintulu@jtm.gov.my

ADTEC BINTULU, 2011

SEJARAH TERCIPTA apabila ADTEC Bintulu sempurna dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak pada 8 September 2015. Institut telah melakar kejayaan dengan memenangi tempat ke-3 dalam *Sarawak Innovation & Technology Exhibition (SAINTEX)*, Johan bagi kategori IPT dalam Inovasi 3R dan juga penyertaan dalam Miri Creativity & Innovation 2015 telah mendapat Johan dan Naib Johan kategori Elektrikal dan tempat ke-3 kategori Mekanikal. Melihat dari sudut kolaborasi, 4 program MoU telah termeterai iaitu dengan syarikat Sakura Ferroalloys Sdn. Bhd, MKI Engineering Sdn. Bhd, Maslow Consultants & Trainers dan UTCS.

T 086-310 111, F 086-338 484

ILJTM Wilayah Timur Eastern Region ILJTM



Rosnah Binti Muhamad Tahir
Pengarah ILP Miri
p.ilpmiri@jtm.gov.my

ILP MIRI, 2003

JAWATANKUASA KREATIVITI DAN INOVASI ditubuhkan pada 23 April 2015 bagi menyahut seruan kerajaan supaya melahirkan cetusan idea baru berimpak tinggi kepada masyarakat dan Negara selain dapat memperkasakan kemahiran yang dipelajari kepada bentuk kreativiti dan inovasi. 'Miri Creativity, Innovation Technology Competition And Seminar 2015' telah berlangsung pada 21 Mei 2015 berjaya menghimpunkan pencipta inovasi tempatan yang mewakili institut masing-masing. ILP Miri telah menjadi tuan rumah bagi Anugerah Harta Intelek Negara 2015 Zon Sarawak yang berlangsung pada 30 Julai 2015. ILP Miri berjaya memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga bagi kategori Perekacipta Harta Intelek dan seterusnya dipilih mewakili Zon Sarawak ke Kuala Lumpur.

T 085-651 544/653 540 F 085-653 523

www.ilpmiri.gov.my

ILP KOTA SAMARAHAN, 2000

Pertandingan Kimpalan Peringkat Negeri Sarawak yang dianjurkan oleh ILP Kota Samarahan dengan kerjasama daripada pihak pembekal utama gas industri dan kelengkapan kimpalan di Sarawak, Syarikat LINDE EOX Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 5 – 7 Oktober 2015. Objektif penganjuran adalah bagi memperbaikkan lagi aktiviti peningkatan kemahiran di Sarawak dan juga merupakan sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Syarikat Linde Eox serta mempromosikan ILP Kota Samarahan. Buat kali ke-3 sekali lagi ILP Kota Samarahan diberi kepercayaan untuk menganjurkan Majlis Konvokesyen ILJTM Wilayah Timur (Zon Sarawak) yang telah diadakan bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK). Seramai 471 graduan diraikan dalam majlis gemilang yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

T 082-465 100, F 082-465 113/114
www.ipks.gov.my



Mohd Zakir Bin Mahmud
Pengarah ILP Kota Samarahan
p.ilpks@jtm.gov.my



Mustal Bin Mahmud
Pengarah ILP Kota Kinabalu
p.ilpkk@jtm.gov.my

ILP LABUAN, 1984

SIRI KEJAYAAN KEMAHIRAN diungguli dengan meraih *Medallion for Excellence* dalam bidang *Plumbing and Heating* dalam WSC 2015 di Sao Paolo, Brazil. Manakala, bagi Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia 2015, seramai empat peserta daripada ILP labuan telah menempah nama dengan memenangi dua pingat Emas, satu pingat Perak dan satu pingat Gangsa dalam bidang Plumbing and Heating dan Bricklaying.

T 087-414 911, F 087-422 500
www.ilplabuan.gov.my



Abdullah Bin Muhamad
Pengarah ILP Labuan
p.ilplabuan@jtm.gov.my

ILP KOTA KINABALU, 2000

INSTITUT BERJAYA MERAHK Pingat Perak dalam Pertandingan ITEX'15 melalui projek Ozone Generator. Bagi pertandingan Kreativiti dan Inovasi I-Fest anjuran UiTM Sabah, institut telah memenangi 2 Emas, 1 Perak, 1 Gangsa melalui 4 projek yang dipertandingkan. Tahun 2015 juga menyaksikan kejayaan institut merangkul Emas bagi bidang CNC Milling dalam Majlis Anugerah Tangan Emas World Skills Malaysia Belia. T 088-498 421/753, F 088-499 851
www.ilpkk.gov.my

SEJARAH TERCIPTA apabila pelajar ILP Sandakan telah membawa nama Malaysia ke persada dunia kemahiran bagi bidang Penyejkukbekuhan dan Penyamanan Udara dengan merangkul *Medallion for Excellence* dalam World Skills Competition (WSC) 2015 di Sao Paolo, Brazil yang berlangsung pada 11-16 Ogos 2015.

ILP Sandakan juga telah menjuarai buat kali ke enam Sukan Wilayah Timur (SWiT09) yang berlangsung di ADTEC Bintulu pada 14-17 Ogos 2015.

T 089-240 500, F 089-240555

www.ilpsdk.gov.my



Tuan Hj Khairul Anuar Bin Hj Deni
Pengarah ILP Sandakan
p.ilpsdk@jtm.gov.my

Dua anak emas JTM telah dianugerahkan Medallion for Excellence dalam WSC 2015 Sao Paulo, Brazil iaitu Mohd Fariduddin Ali Kassim (ILP Labuan), bidang Plumbing and Heating dan Ng Vui Yee (ILP Sandakan), bidang RAC.

KESEPADUAN DAN SEMANGAT KERJASAMA YANG DICETUSKAN MENERUSI NBOS JELAS MEMPERBAIKI ELEMEN KEBEKUAN BIROKRASI BAGI MEMBUKA LALUAN KERJASAMA PELBAGAI KELOMPOK DAN BIDANG MELIBATKAN KHIDMAT AWAM DAN ANTARA MASYARAKAT.

Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 was held on 12th – 14th February 2015 at PWTC, Kuala Lumpur. ILP Nibong Tebal (Cable Tracker), ILP Mersing (Automotive Pressure Charge) and ILP Kuala Lumpur (iCOMtech) won Silvers in this competition.

KARNIVAL TEKNOLOGI JTM 2015 JTM CARNIVAL TECHNOLOGY 2015


Karnival Teknologi JTM 2015 ini julung-julung kalinya dianjurkan oleh JTM bagi tujuan membudaya dan menggalakkan cetusan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif. Empat (4) program utama yang berteraskan kemahiran teknikal dan vokasional telah berlangsung sepanjang karnival ini iaitu *National Conference on Engineering Technology (NCET)*, Pertandingan Kreativiti dan Teknologi Inovasi (CITEC), Pertandingan Robot JTM (JTMRC) serta Pertandingan Laman Web Terbaik dan Video JTM Terbaik.



PERTANDINGAN KREATIVITI DAN TEKNOLOGI INOVASI (CITEC) 2015 CREATIVITY & INNOVATION TECHNOLOGY COMPETITION 2015.

Pertandingan Kreativiti dan Teknologi Inovasi / *Creativity & Innovation Technology Competition* (CITEC), merupakan satu acara tahunan berkonsepkan pertandingan rekacipta yang bertujuan memupuk budaya kreatif dan inovatif di kalangan pengajar dan pelajar ILJTM. Selain daripada peserta warga ILJTM, pertandingan pada tahun 2015 ini turut dibuka kepada peserta dari agensi lain seperti MARA, KBS, Kolej Vokasional, dan CIAST. Peserta ILJTM yang berjaya memenangi pingat Emas di dalam pertandingan ini telah dipilih untuk mewakili jabatan ke International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX).

Creativity & Innovation Technology Competition (CITEC) is an annual competition which were organized with an objective to boost creativity and innovative culture among ILJTM lecturers and students.



Bidang ▼	Kategori Pensyarah ▼				Kategori Pelajar ▼			
	Emas	Perak	Gangsa	Sijil	Emas	Perak	Gangsa	Sijil
Elektrikal/Elektronik	4	4	7	5	1	7	11	13
Mekanikal/Pembuatan	1	4	12	2	5	6	15	7
Perisian/ICT	3	0	3	0	0	1	9	2
Sivil/Arkitek	0	2	1	0	1	2	1	0

JADUAL 13 Keputusan Penuh Pertandingan CITEC 2015 Mengikut Kategori & Bidang Kemahiran.

Besides ILJTM's participants, this competition is also opened to lecturers and students from MARA, KBS, CIAST and Vocational College. Winner from ILJTM were selected to compete in Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX).

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (NCET)
2015**
**NATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING
TECHNOLOGY 2015**

National Conference on Engineering Technology (NCET) adalah aktiviti perkongsian ilmiah melalui pembentangan kajian penyelesaian masalah dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Antara objektif utama penganjuran persidangan ini adalah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi di kalangan para pensyarah kemahiran khususnya pensyarah ILJTM. Penyertaan dibuka kepada tenaga pengajar atau pensyarah dalam bidang Teknik dan Vokasional di ILJTM, Politeknik, IPTA serta ILKA yang lain. Sebanyak 63 kertas persidangan telah dibentangkan semasa penganjuran NCET kali pertama pada tahun 2011, manakala pada tahun 2015 pula sebanyak 83 kertas persidangan telah berjaya dibentangkan.

National Conference on Engineering Technology (NCET) is a knowledge sharing platform with an objective of promoting research, development, and innovation culture amongst ILJTM lecturers. The participation of this conference is opened to all technical lecturers from Polytechnics, Universities, and all ILKAS in Malaysia. A total of 83 conference papers was presented during NCET in 2015 compared to 61 conference papers during 2011 NCET.

“Study and Analyze The Optimum Parameters of Wirecut EDM (SODICK VZ 500L) For SKD11 Tool Steel Machining” dari ADTEC Kulim dianugerahkan Kertas Persidangan Terbaik (BEST PAPER) kategori Kejuruteraan Mekanikal.

PERTANDINGAN LAMAN WEB DAN VIDEO PENDEK TERBAIK JTM 2015

Agensi-agensi sektor awam digalakkan untuk membangunkan laman web bagi tujuan penyampaian maklumat dan perkhidmatan atas talian secara lebih berkesan. Sebagai menyahut saranan kerajaan ini, Pertandingan Laman Web dan Video Pendek Terbaik JTM 2015 telah dianjurkan. Penyertaan daripada semua ILJTM dalam pertandingan ini diharapkan dapat menjadi satu platform untuk semua institut menyediakan laman web yang informatif, berkualiti dan sentiasa dikemaskini. ILP Ipoh telah memenangi tempat pertama bagi Pertandingan Laman Web Terbaik JTM dan ILP AP Nibung Tebal telah merangkul tempat pertama Pertandingan Video Pendek Terbaik JTM.



Johan bagi Pertandingan Video Pendek Terbaik dimenangi oleh ILP Nibong Tebal manakala Johan bagi Pertandingan Laman Web Terbaik dirangkul oleh ILP Ipoh. Tahniah! diucapkan

Government agencies are encouraged to develop their web site as an approach to deliver informations and on line services efficiently. As a response, JTM has take an effort to organize Pertandingan Laman Web dan Video Pendek Terbaik JTM 2015 which has been participate by all institutes under ILJTM. Through this platform, it is expected that all institutes will sustain in developing their informative, quality and up to date website. ILP Ipoh and ILP AP Nibung Tebal won the 1st place in these competition.

This competition was held as an exposure and preparation for ILJTM's students before they entering National level robotic competition such as ROBOCON, MUROC, and Robo Gamez which are organized by Ministry of Higher Education, MOSTI, and SIRIM Berhad. The participation of ILJTM's students in various competitions are in line with JTM Strategic Plan which will help to produce creative, innovative and competitive students in Robotic field.

Keputusan Pemenang JTMRC

Kategori Roborumblez

- 1st - ADTEC Melaka**
2nd - ADTEC Batu Pahat
3rd - ADTEC Shah Alam

Best Design - ILP Ledang
Best Idea - Kolej WIT
Best Engineering - ADTEC Melaka

Kategori Bumi Hijau

- 1st - ILP Mersing**
2nd - ADTEC Batu Pahat
3rd - ILP Pasir Gudang

Best Design - ILP Bukit Katil
Best Idea - ADTEC Batu Pahat
Best Engineering - ILP Mersing.

Kajian & Penyelidikan

OBJEKTIF KAJIAN TAHUNAN ini adalah untuk mengesan pelajar lepasan ILJTM dan seterusnya mengukur tahap keberkesanan ‘output’ ILJTM.

Hasil daripada kajian ini dijangka dapat dijadikan input bagi perancangan kursus-kursus baru atau penambahbaikan terhadap kursus-kursus sedia ada di ILJTM.



6.84%

Graduan yang PERNAH MENERIMA TAWARAN iaitu seramai 433 orang.



8.51%

Graduan yang SEDANG MENCARI PEKERJAAN iaitu seramai 539 orang.

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN ILJTM ILJTM TRACER STUDY.

Jabatan Tenaga Manusia telah mula menjalankan kajian pengesanan graduan secara atas talian (e-Tracer Study) bermula pada tahun 2012. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kebolehkerjaan graduan lepasan ILJTM dengan cara mengenalpasti status graduan sama ada mereka telah bekerja, melanjutkan pelajaran, masih aktif mencari pekerjaan, atau pernah menerima tawaran pekerjaan. Kajian 2015 ditumpukan kepada Graduan yang terlibat di dalam Majlis Konvokesyen ILJTM kali ke-20, di mana seramai 6,332 responden daripada sejumlah 6,672 graduan telah memberi maklum balas terhadap kajian ini. Kadar respons sebanyak 91.49% ini menggambarkan komitmen dan kerjasama yang baik telah diberikan oleh para graduan terhadap kajian ini, yang mana hasil kajian dapat dijadikan input bagi perancangan kursus-kursus baru atau penambahbaikan terhadap kursus-kursus sedia ada di ILJTM.

Manpower Department has begun conducting the tracer study of graduates through online (e-Tracer Study) began in 2012. This study is aimed to measure the employability of ILJTM graduates whether they have been working, studying, still actively searching job or have been received a job offer. The study of 2015 focused on graduates who were involved in the 20th ILJTM Convocation which is 6,332 or 91.49% from a total of 6,672 graduates have been responded to the survey. The rate reflects the commitment and cooperation that were given by the graduates of this study. These findings will be used to plan and develop of new courses and also to improve current courses in ILJTM.

58.20%

Peratus graduan yang telah BEKERJA iaitu seramai 3,685 orang untuk keluaran 2015.

26.45%

Peratus graduan yang telah MENYAMBUNG PELAJARAN ke peringkat Diploma & Diploma Lanjutan iaitu seramai 1,675 orang.



KAJIAN LATIHAN INDUSTRI STUDY ON INDUSTRIAL TRAINING.


Kajian Penilaian Latihan Industri (LI) dilakukan bagi tujuan mengukur tahap kepuasan majikan terhadap prestasi pelajar ILJTM yang menjalani Latihan Industri di premis-premis mereka.

Didapati pelajar-pelajar ILJTM yang menjalani Latihan Industri pada tahun 2015 mencapai tahap penilaian 84.2% (tahap Cemerlang dan Baik) yang mana berdasarkan daripada analisa yang telah dibuat ini menunjukkan pelajar ILJTM mempunyai peluang yang cerah untuk diterima oleh majikan apabila keluar mencari pekerjaan kelak. Ini diharap dapat membantu meningkatkan peratus kebolehkerjaan graduan ILJTM di masa akan datang. Secara keseluruhan, seramai 3,343 orang pelajar ILJTM memberikan kerjasama yang baik dengan pihak majikan berdasarkan prestasi mereka dinilai semasa menjalani Latihan Industri.

The purpose of assessing student' Industrial Training is to get feedbacks on employers' satisfaction level towards ILJTM student. Based on the feedbacks received, it is shown that the performance of ILJTM student have been rated as excellent and good which is 84.2%. This shows that ILJTM students have a good reputation among the employers and thus increase the probability to be hired upon graduation in which will increase the



employability rate of ILJTM graduates. Based on the performance evaluation done during their practical training, it is shown that a total of 3,343 ILJTM students had served their employers successfully.




KAJIAN PENILAIAN KURSUS DAN PENGAJAR (SPePL) STUDY ON EVALUATION OF ILJTM TRAINING & INSTRUCTORS.

Kajian Penilaian Kursus dan Pengajar atau dahulunya dikenali sebagai Kajian Key Performance Indicator (KPI) merupakan aktiviti tahunan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Ibu Pejabat JTM. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk menilai tahap kepuasan pelajar terhadap objektif kursus yang diikuti, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, program latihan, kemudahan yang disediakan dan kaedah penyampaian pengajar.

Di samping, itu ia juga sebagai sebahagian daripada tuntutan dalam prosedur MS ISO 9001:2008 iaitu sebagai salah satu komponen aduan pelanggan. Satu Sistem Pengurusan Penilaian Latihan (SPePL) telah dibangunkan bagi memudahkan pelajar membuat penilaian pengajar dan program latihan yang dijalankan di institut berkaitan. Hasil daripada penilaian yang dijalankan pada bulan Mac dan September 2015, sejumlah 84% pelajar berpuas hati dengan aspek latihan yang diberikan oleh pengajar, kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi, dan kemudahan yang disediakan oleh pihak institut. Skor purata 4.41 bagi sesi Mac 2015 dan 4.38 bagi sesi September 2015 diberikan oleh pelajar kepada para pengajar yang terlibat dalam penilaian ini menggambarkan prestasi dan kredibiliti pengajar ILJTM adalah pada tahap baik, dan selari dengan keperluan peningkatan kualiti latihan.

The study on evaluation of ILJTM Training and Instructors was previously known as Key Performance Indicator which is conducted yearly by Division of Planning and Research in Headquarters, Manpower Department. The purpose of this survey is to evaluate the students' satisfaction on objective of the courses, the knowledge and skills enhancement, the facilities provided in the institution as well as the instructors' teaching delivery.



CARTA 13 Perbandingan pencapaian ILJTM dalam SPePL.

Besides that, it is a part of MS ISO 9001:2008 requirement and functions as one of the component in customers' feedback. One system has been developed which is called as SPePL to provide students with a convenient system for them to evaluate the training and instructors in their particular institution. From the result of a survey found the percentage of customers are satisfied with the training provided by the instructor, the skills and knowledge gained as well as the facilities provided by the training institute was 84.0% for the evaluation session in March 2015 and September 2015. The majority of students also provide an excellent assessment of 4.41 to 4.38 session in March and September 2015 session

of the instructors who teach them all. All the findings from this study can be used by top management department to control, monitor and gain insight in the performance of each individual guarantee credibility and improve the quality of training.

84%

Peratusan Pelanggan yang berpuas hati dengan sistem penyampaian di ILJTM.

Pentadbiran

BERDASARKAN STATISTIK 2015, daripada 3535 perjawatan sejumlah 3287 jawatan telah diisi menjadikan peratusan pengisian jawatan di JTM mencapai 92.98%.

KEDUDUKAN PERJAWATAN STAFFING

Sehingga Disember 2015, pengisian jawatan di JTM telah mencapai 92.98% iaitu sebanyak 3287 jawatan telah diisi daripada 3535 perjawatan. Maklumat peratus pengisian perjawatan di JTM bagi tahun 2015 adalah seperti di Jadual 14 dan pecahan jumlah pengisian mengikut Kumpulan Jawatan di JTM bagi tahun 2015 adalah seperti di Carta 14. Dalam tahun 2015, seramai 571 orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan ini telah ditawarkan kenaikan pangkat dan pemangkuan naik pangkat yang mana ia turut menyumbang kepada peningkatan pengisian jawatan di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Selain dari itu, peningkatan pengisian juga disumbangkan oleh pertukaran pegawai dan kakitangan yang dinaikkan pangkat dan dtempatkan di JTM.

Until December 2015, the emplacement in JTM was reached 92.98% by which 3287 out of 3535 positions were filled. The information of emplacement percentage in JTM for 2015 is shown in Table 14 and total

fraction of posts by JTM Group Designation in year 2015 is shown in Chart 14. In 2015, a total of 517 officers and staffs of the department has been promoted by which contributed to the enhancement of emplacement in the Department of Manpower Training Institute (ILJTM). In addition, the increase of emplacement has also been contributed by officers and staffs exchange who have been promoted and placed in JTM.

CARTA 14 Pecahan jumlah pengisian jawatan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2015.

2,390
Kumpulan Pelaksana

897

Kumpulan Pengurusan & Profesional

4

Pengurusan Tertinggi


571

Jumlah pegawai dan kakitangan yang ditawarkan kenaikan pangkat dan pemangkuan.

93%

Peratusan perjawatan yang telah diisi pada tahun 2015.





JADUAL 14 Peratusan dan jumlah pengisian perjawatan bagi tahun 2015.

PERANCANGAN PERJAWATAN STAFFING PLANNING.

Bagi tahun 2016, JTM bercadang untuk melaksanakan pengukuhan fungsi di seluruh JTM melalui Pelan Transformasi JTM yang melibatkan perubahan dari segi taburan jumlah perjawatan di Ibu Pejabat dan


ILJTM. Perubahan taburan jumlah perjawatan ini adalah berdasarkan kepada transformasi bidang kursus yang ditawarkan di ILJTM yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia. Pengukuhan fungsi ini juga adalah selaras dengan Dasar Pengoptimuman Penggunaan Sumber Manusia Dalam Perkhidmatan Awam di mana perjawatan sedia ada digunakan secara optimum tanpa melibatkan perwujudan perjawatan baharu. Pelaksanaan Pelan Transformasi JTM akan dilaksanakan secara berperingkat melalui proses pindah butiran perjawatan yang melibatkan perpindahan sebilangan penyandang sedia ada. Sehubungan itu juga, JTM turut merancang untuk mengemukakan permohonan perwujudan jawatan fleksi tanpa tempoh bagi mendokong fungsi dan objektif JTM secara keseluruhan. Dari segi pengisian perjawatan, JTM juga merancang untuk meningkatkan pengisian perjawatan yang masih kosong bagi memastikan pelaksanaan program latihan kemahiran di ILJTM berjalan dengan lancar dan seterusnya membangunkan modal insan negara.

For 2016, JTM plans to strengthen its function through the JTM Transformation Plan which involves a change in the distribution of the number of positions at Headquarters and ILJTM. Changes in the distribution of the number of positions are based on the transformation of the courses offered in ILJTM which was approved by the Ministry of Human Resources. The strengthening of function is also in line with the Basic Optimization of Human Resources utilization in the Public Services in which the existing staffing is optimally utilized without involving the realization of new posts. The Tranformation Plan of JTM will be implemented gradually through the process of moving personnel details involving the transfer of a number of existing incumbents. In this regard also, JTM also plans to submit an application for the existence of flexible posts without any duration to support the functions and objectives of JTM in overall. In term of staffing, JTM also plans to increase the emplacement to ensure the implementation of training programmes at ILJTM run smoothly and further develope the country's human capital.

INTEGRITY DEVELOPMENT JUSTIFICATION COMPETITIVENESS COMPETENCY

To aide in the direction of optimum utilization of manpower through Industrial Training Programmes.





4.74j

Jumlah peruntukan tambahan telah diterima bagi memenuhi keperluan jabatan.

1.43%

Peratus peruntukan tambahan telah diterima daripada peruntukan asal jabatan.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MANAGEMENT EXPENDITURE PERFORMANCE.

Pada tahun 2015, peruntukan mengurus yang telah diluluskan adalah berjumlah RM332,777,528.00 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan dalam melahirkan tenaga mahir bagi keperluan industri. JTM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM4,740,992.00 untuk memenuhi keperluan tersebut. Daripada jumlah tersebut, 100% adalah di bawah Dasar Sedia Ada dan peruntukan tambahan adalah sebanyak 1.43% daripada peruntukan asal yang diterima. Sehingga Disember 2015, Jabatan telah

membelanjakan peruntukan sebanyak 103.55%.


In year 2015, operating allocation total of RM332,777,528.00 had been approved to implement Department activities in producing skilled workers for industry needs. Moreover, the Manpower Department has received a additional allocation total of RM4,740,992.00 to fulfill the needs. The department has spent 103.55% based on total 100% was under the Existing Policies and 1.43% additional allocation that accepted until December 2015.

CARTA 15 Prestasi perbelanjaan mengurus JTM tahun 2015 mengikut pecahan bulan.

“Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan berjumlah
RM 332,777,528.00”


103.55%

Peratusan peruntukan perbelanjaan telah dibelanjakan.



Pembangunan

PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN infrastruktur dan peralatan ILJTM adalah faktor utama penyumbang kepada menjagaan kualiti latihan dan 'output'.




PEMBANGUNAN KEMUDAHAN FIZIKAL PHYSICAL FACILITY DEVELOPMENT.

Dalam pembangunan fizikal, JTM telah melaksanakan beberapa aktiviti utama iaitu projek pembinaan bangunan baru, perolehan tanah/tapak ILJTM baru, projek menaiktaraf ILJTM sedia ada, projek penyelenggaraan dan pembalikan peralatan latihan ILJTM serta program peningkatan dan penambahbaikan kualiti latihan.

In physical development, JTM has done a few major makeover such as building new institutes, acquiring new land/lot for future development, upgrading existing training institutes, servicing and upgrading tools for training purposes and developing the quality of training provided.

CARTA 17 Projek pembangunan bagi tahun 2016.



*Kelulusan kewangan RMKe-11

91.3%

Peratus calon yang LULUS dalam Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bagi tahun 2015.

PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)
Keseluruhan yang telah diverifikasi pada tahun 2015 adalah seramai 528 orang calon. Dengan status 482 orang calon **LULUS** manakala 46 orang calon **GAGAL**.

VTO/VTE/VTM

Seramai 824 orang pegawai ILJTM telah mengikuti program khas VTO/VTE/VTM secara *single-tier* melalui kaedah PPT.

- Program In-house Training
- Program Pembangunan Kemahiran (PPK)
- Train-Of-Trainer (TOT) Aviation Maintenance & Composite

**45% (20 kursus)
205 peserta**

CARTA 18 Program Peningkatan Kemahiran ILJTM 2015.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN SKILLS ENHANCEMENT PROGRAMME.

Pada tahun 2015, Bahagian Pembangunan Kemahiran Jabatan Tenaga Manusia telah mengurus Program Peningkatan Kemahiran untuk pengajar-pengajar ILJTM melalui pelaksanaan kursus-kursus teknikal. Sebanyak 40 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 melibatkan seramai 518 orang peserta bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti tenaga mahir yang dikeluarkan daripada institusi kemahiran.

In the year 2015, Skill Development Division under the Manpower Department had organized multiple upgrading programme for ILJTM trainers. A total of 40 courses was conducted throughout 2015 involving 518 participants focusing on increasing the trainers' skills and knowledge beside improving the quality of graduates.

**40% (18 kursus)
293 peserta**


**5% (2 kursus)
20 peserta**

518

Bilangan peserta yang terlibat dalam Program Peningkatan Kemahiran ILJTM.

Publisiti

█ Pencapaian █ Sasaran



PROMOSI LATIHAN DIJALANKAN untuk meningkatkan statistik pengambilan melalui pengambilan pelajar sepusat, pembelajaran sepanjang hayat dan kesedaran kepada golongan sasar dengan dibantu semua Unit Promosi/CESS ILJTM melalui beberapa kaedah dan pendekatan.

PROGRAM PROMOSI JTM JTM'S PROMOTION PROGRAMME.

Mempromosikan latihan kemahiran sepenuh masa di ILJTM ke golongan sasar serta kaedah pengambilan setempat melalui UPU; Mempromosikan latihan kemahiran jangka pendek bagi peningkatan tahap kemahiran dan kerjaya kepada pekerja dan komuniti setempat; Mempromosikan pelajar lepasan ILJTM kepada Industri dengan mengadakan siri lawatan ke industri dan syarikat berkaitan; Mempromosikan Alumni bagi jaringan lepasan ILJTM dengan menyalurkan maklumat, peluang kerjaya, keusahawanan dan pembiayaan; Memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir berhubung potensi diri, keusahawanan, peluang pekerjaan dan pembiayaan menerusi agensi KSM; Memberi latihan pemasaran dan pendedahan kemahiran kepada jawatankuasa promosi ILJTM.

Promotion part-time skills training in ILJTM to target groups and local recruitment methods via the UPU; Promote short-term skills training to enhance the level of skills and careers to employees and local communities; Promote our graduates to the industry through visits to the industrial and related companies; Promote the Alumni to our graduates in order to provide information, career opportunities, entrepreneurship and financing; Expose the final year students regarding to their self potential, entrepreneurship, employment and financing through KSM agency; Provide marketing training and skills exposure to the ILJTM promotions committee.



1,597

aktiviti promosi setahun
institut iaitu melebihi
sasaran JTM (24 x 32 ILJTM)
iaitu 768 aktiviti.

208%

Peratusan pencapaian
promosi ILJTM secara
keseluruhan pada tahun
2015.

Persekutuan Kualiti

PENGIFTIRAFAN DARIPADA MPC adalah satu penghargaan yang sukar dicapai sekiranya tidak ada kesatuan fikiran, komitmen, suasana kerja harmoni dan pelaksanaan tugas yang sempurna berteraskan wujudnya kesefahaman dan kerjasama.

INOVASI PENGURUSAN MANAGEMENT INNOVATION.

Mengekalkan momentum pencapaian dalam Pertandingan Pejabat Terbaik (mengikut Amalan 5S) sempena Anugerah Inovasi Kementerian Sumber Manusia 2015 dapat direalisasi menerusi komitmen padu, kolaborasi mantap dan penghasilan kualiti kerja serta urus tadbir yang baik dan cemerlang. Pengiktirafan ini telah dianugerahkan sekali lagi kepada Ibu Pejabat JTM manakala ILP Pedas pula berjaya dinobatkan sebagai tempat kedua dalam pertandingan yang disertai oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia pada 01-22 Oktober 2015.

Selain kejayaan 5S peringkat kementerian, JTM sekali lagi melakar sejarah apabila Pasukan Metalmelt dari Bahagian Teknologi Kimpalan ILP Jitra telah dianugerahkan sebagai Naib Johan kategori Sektor Awam (Persekutuan) dan Anugerah Emas (3 Bintang) di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2015 (QE/5S) yang berlangsung serentak dengan Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition 2015 (APIC) di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC) pada 2-4 November 2015. Oxy Acetylene Pipe Cutting Machine dicipta khusus untuk meningkatkan kualiti hasil kimpal pelajar, hasil gabungan 3 buah mesin iaitu Welding Positioner, Lathe Machine (Chuck) dan Straight/Bevel Cutting Equipment.

MPC telah memilih projek *Oxy Acetylene Pipe Cutting Machine* untuk mewakili Malaysia dalam 2016 International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) di The Centara Grand Bangkok, Thailand 23-26 Ogos 2016.

To maintain the momentum of achievement in the Best Office Competition (according to 5S Practice) in conjunction with the Ministry of Human Resources Innovation Award 2015 is realizable through a strong commitment, a good collaboration, good quality of work and excellent governance. This recognition was awarded once again to the JTM Headquaters, while ILP Pedas has been crowned as the first runner up in the competition which was participated by departments and agencies under the Ministry of Human Resources on 1-22 October, 2015.

Other than 5S success at the ministry level, JTM once again made history when Metalmelt Team of the Welding Technology of ILP Jitra was awarded as first runner up of Public Sector categories (Federal) and the Gold Medal (3 Stars) in Convention Team Excellence National 2015 (QE/5S) which was held simultaneously with the Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition 2015 (APIC) at Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC) on 2-4 November 2015. Oxy Acetylene Pipe Cutting Machine was created especially to increase the quality of welded materials based on the combination of three machines which are Welding Positioner, Lathe Machine (Chuck) and Straight/Bevel Cutting Equipment.



Sokongan Kerjaya

DALAM MENINGKATKAN KEBOLEHKERJAAN graduan ILJTM, Jabatan Tenaga Manusia telah mengambil langkah proaktif bagi membantu para pelajar untuk mendapatkan pekerjaan dan menepati kehendak industri.



KEBOLEHPASARAN GRADUAN GRADUATES EMPLOYABILITY.

Dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan ILJTM, Jabatan Tenaga Manusia terus mengorak langkah bagi membantu para pelajar untuk mendapatkan pekerjaan yang menepati kehendak industri. Program Pemantapan Pelaksanaan Tugas CESS 2015 telah dilaksanakan selama 5 hari bagi 2 sesi mengikut pembahagian institut. Program ini bertujuan untuk penyelarasan tugas yang merangkumi aplikasi sistem bagi mengenalpasti kebolehkerjaan graduan ILJTM dan memantapkan pelaksanaan aktiviti sokongan kerjaya pelajar melalui kaedah pementoran secara efektif. Program telah dihadiri oleh seramai 64 orang pegawai CESS.

In enhance ILJTM graduates; the Manpower Department needs to move forward in order to help students to fulfill the requirements of the industry. Enhancement And Performance of Duty Program CESS 2015 was held for 5 days in 2 sessions according to the division of institutions. The aim of this program is to coordinate the task which is includes the application system to identify ILJTM graduates employability. In addition, this program is also aims to strengthen the implementation of the student's career support activities by mentoring them effectively. This program was attended by 64 CESS officers.

Sesi konsultansi ILJTM bersama industri menggunakan kaedah CUDBAS telah diadakan di ILP Perai, ILP Bukit Katil dan ILP Pasir Gudang.

CUDBAS CUDBAS.

Sesi Konsultansi ILJTM Bersama Industri Menggunakan Kaedah CUDBAS bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan metodologi CUDBAS menggunakan manual; memberi pendedahan tentang *Company Support*; dan memperkuatkuhan pelaksanaan *Training Need Analysis (TNA)* menggunakan kaedah CUDBAS kepada pihak industri dan pengajar ILJTM. Ini adalah bagi mengenalpasti, merancang dan melaksanakan program-program latihan dan pembangunan bagi kakitangan statistik organisasi. Sesi konsultansi ILJTM bersama industri menggunakan kaedah CUDBAS telah diadakan di ILP Perai, ILP Bukit Katil dan ILP Pasir Gudang.

Consultation session of ILJTM with the industry using CUDBAS methods are to introduce and promote CUDBAS methodology using manual, exposing the Company Support and strengthen the implementation of Training Need Analysis (TNA) to the industry and ILJTM's instructors. This program is to identify, planning and implementing the training and development programs for the statistic organisation staffs. Consultation session of ILJTM with the industry was held in ILP Perai, ILP Bukit Katil and ILP Pasir Gudang.



Harta Intelek

BERKONGSI PENGALAMAN serta ilmu mengenai patent copyright product bersama Tuan Haji Norman Kusin, Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran JTM.

Biodata.

Nama:
Tuan Haji
Norman Bin
Kusin
Tempat Lahir:
Kapar, Klang
Jabatan:
Jabatan Tenaga
Manusia
Jawatan:
Pengarah
Bahagian
Pembangunan
Kemahiran

MANUSIA sebagai *homo academicus* (makhluk berpengetahuan) telah menghasilkan karya cipta yang bersumberkan daya kreativiti dan nilai budi. Hak cipta menjadi milik seseorang pencipta atau pemegang hak cipta, sehingga lahirlah hak cipta yang berkaitan dengan hak-hak ekonomi (*economic rights*) dan hak-hak moral (*moral rights*). Hal ini menunjukkan antara lain bahawa hak cipta merupakan hak eksklusif pencipta, penulis atau penemunya yang tidak boleh ditiru atau diambil sewenang-wenangnya oleh orang lain.

Hak cipta merupakan hak-hak dasar yang diberikan kepada pencipta dengan tujuan penghargaan dalam bentuk moral dan material tersebut.

Mengulas lanjut, Tuan Haji Norman yang berdaftar di bawah MyIPO sebagai Patent Agent berkata, sesebuah ciptaan tanpa mengira bidang adalah sebuah hasil kreativiti dan intelektual yang perlu dinilai dalam bentuk ekonomi dan moral secara jujur.

Katanya, di Negara-negara maju, ciptaan-ciptaan intelek dan seni digital telah menjadi produk industri kreatif yang menyumbang pendapatan yang sangat besar kepada Negara. Oleh itu, hak cipta adalah hak khusus daripada pencipta. Ini bererti tidak ada orang lain yang boleh mengambilnya kecuali dengan izin penciptanya. Hak khusus ini mengandungi erti monopoli terhad terhadap bentuk kewujudan daripada idea penciptaannya.

Kesedaran tentang perundangan hak cipta di peringkat JTM telah bermula dengan *Workshop on Patent Search (Prior Art Search), Seminar on Logic of Innovation*. Sehubungan dengan kepentingan hak cipta dalam pelbagai bidang tersebut, Tuan Haji Norman berkata, setiap pegawai dan pelajar JTM perlu membuat anjakan untuk memahami kedudukan ciptaan mereka. Ia tidak wajar dengan hanya berpuashati terhadap penciptaan projek-projek teknikal mereka sahaja tetapi juga perlu mempertahankan hak-hak material dan moral hasil intelektual masing-masing. Kekayaan intelektual sudah saatnya menjadi perhatian, kepentingan dan keprihatinan semua pihak termasuk pegawai atasan supaya ia terus menjamin kelangsungan suasana penciptaan yang kondusif di seluruh ILJTM.

PERLINDUNGAN DAN PENDAFTARAN HARTA INTELEK.


Pendaftaran perlindungan harta intelek ini diuruskan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Terdapat beberapa jenis pendaftaran perlindungan harta intelek yang telah dilaksanakan oleh JTM iaitu Paten, Hak cipta, Rekabentuk Industri dan Cap Dagangan.

PATEN

Method and apparatus for opening a durian and the like
 Approved patent (MY-147455A) - ADTEC Batu Pahat, Automatic Opening A Durian - ADTEC Batu Pahat, Flexible Tool Mounting - ADTEC Kulim and Portable Satay Grill Machine Approved patent (MY-152416A) - ADTEC Batu Pahat.

HAK CIPTA

Buku Prosiding National Conference on Engineering Technology (NCET) 2013, Buku Prosiding National Conference on Engineering Technology (NCET) 2011, File Application Thru Systematic Tracking And E-Recording (FASTeR), Buku Panduan Kerjaya dan WiFi FX.



IMPIAN INSPIRASI DREAM OF INSPIRE.

TAK DIDENDANG!

En Zaihan Shukri, Pengarah Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI) yang juga merupakan ikon Pengarah yang memiliki sejarah unggul dalam perkhidmatan.



Mungkin tiada Pengarah yang berjaya membentuk Pengarah seramai En Zaihan. Sejak menjawat jawatan sebagai Pengarah JMTI pada tahun 1997, ramai anak didiknya telah berjaya menjawat jawatan tertinggi Institut dan ADTEC di seluruh Malaysia. Nama-nama seperti En. Abd Halim A.Rahman (ADTEC Kemaman), En Manoj Jumidali (ADTEC Batu Pahat), En Azman Ibrahim (ILP Ipoh), En Abd Wahid Embong, En Zulkifle Omar (ILP Marang), En Abd Halim Ali, En Zulkifli Manan, Pn Junaina, Hj Sukimi, En Jamil Yahya, Hj Khairul Anuar (ILP Sandakan), En Zamzuri Hassan (ILP Kepala Batas), En Shukri Ismail, Pn Faizah Harun (ILP K.Terengganu), En Azmir Md Yunus dan ramai lagi.

En. Zaihan bin Shukri
 Pengarah Institut Teknikal Jepun-Malaysia
www.jmti.gov.my
 1997-Sekarang.



Pembikinan

GAGASAN DALAM MENCINTA

rekabentuk Laporan Tahunan 2015 Edisi 2016 dimulakan dengan pengumpulan idea dan lontaran sudut pandangan daripada setiap ahli sidang redaksi melalui beberapa pertemuan dan perbincangan yang telah dijadualkan.

Edisi keluaran kali ini masih mengekalkan konsep 'eye catching' dan 'reader friendly' selain mencipta kelainan khusus dalam mencambah daya tarik dan minat para pembaca dari sudut persembahan ilustrasi yang menyelerakan halva mata dan graf yang lebih terperinci, mudah dan ringan diterjemah oleh akal pembaca.

Setelah menentukan konsep ilustrasi setiap halaman, sidang redaksi mula menyusun atur strategi dan perancangan, mengklasifikasi tugas dan tanggungjawab, mengklasifikasi pengisian artikel yang seimbang dengan ilustrasi, mengidentifikasi jumlah kolumn, penyusunan dan pemilihan gambar serta penyediaan data maklumat yang tepat terutama yang melihat statistik, pengeluaran, pencapaian dan pembangunan.

Ilustrasi 'cover' laporan adalah elemen paling penting dititikberatkan kerana halaman ini yang pertama akan dilihat oleh pembaca sama ada iaanya mencetus minat untuk terus menghalusi lembaran seterusnya atau sebaliknya dan sekaligus menjadi

penentu penilaian bagi isi kandungan setiap helaihan. Ternyata, ini adalah merupakan cabaran besar yang perlu disahut oleh 'designer' sidang redaksi.

Kesempurnaan visual merupakan elemen dan kunci utama dalam penerbitan laporan tahunan, oleh itu perbincangan bersama piyah percetakan adalah sesi rutin seusai proses penyuntingan dan deraf terkini disiapkan. Selain itu, pemilihan jenis kertas untuk percetakan adalah agenda penting dalam perbincangan kerana kesempurnaan visual sangat bergantung kepada kualiti kertas yang digunakan.

'Team Work Makes The Dream Work'. Penghasilan terbaik dan kreatif Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Manusia adalah objektif utama Sidang Redaksi dan penambahbaikan pembikinan sentiasa menjadi topik utama setiap sesi pertemuan sidang redaksi dengan menitikberatkan kesemua komen dan respon daripada pihak Pengurusan Tertinggi JTM.



Kolaborasi mantap pihak pengurusan dan sidang redaksi telah merealisasikan penghasilan dokumen informasi yang efektif ini di samping ianya berfungsi sebagai alat pemasaran jabatan yang kreatif dalam dimensi dan 'brand' tersendiri.

